



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (2) Nov 2020 (035-046)

Bukti Fosil Linguistik Dalam Peneguhan Multikulturalisme di Barat Daya Laut China Selatan

Rahim Aman

tuntas@ukm.edu.my

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Rohana Abdul Rahman

ana_ar@dbp.gov.my

Dewan Bahasa dan Pustaka

Tarikh terima : 13 Sept 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 22 Okt 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Nov 2020
Published online

Abstrak

Laut China Selatan merupakan satu kawasan yang amat strategik. Kawasan ini sekarang menjadi medan rebutan kuasa-kuasa besar, misalnya China, dan Amerika Syarikat. Sejak zaman awal Masehi lagi kawasan ini merupakan jalur perdagangan yang amat penting. Ratusan pulau yang ada di kawasan ini menjadi tempat persinggahan para pedagang, sama ada untuk berdagang atau sebagai tempat singgahan sementara. Di kawasan laut China Selatan Barat Daya, wujud ratusan pulau dan antara pulau-pulau yang besar, ialah Pulau Serasan-Panjang-Subi Besar-Seroja, Pulau Riau, Pulau Matak-Siantan-Jemaja dan Pulau Tioman. Sebenarnya, semua pulau ini menjadi jambatan menghubungkan Borneo dengan Semenanjung. Sejak abad ke-18 dan ke-19 lagi, wilayah ini sarat menghimpunkan hasil-hasil dagangan antara Maluku dan kemudiannya di bawa ke Melaka untuk didagangkan. Justeru, wilayah yang terbentang dari Muara Lembangan Sadong lalu membawa ke Tioman ini merupakan satu wilayah yang menyimpan fosil-fosil linguistik yang membentuk jaringan komunikasi purba berabad-abad lamanya. Pulau Tioman merupakan topografi pulau yang ribuan tahun dahulu merupakan pelabuhan intreport yang menghubungkan Borneo dengan Semenanjung. Ciri fosil dialek Melayu Tioman dikatakan memiliki ciri fosil yang sama dengan fosil di lembangan Sungai Sadong dan kesamaan ciri ini menandakan wujudnya satu jaringan komunikasi dialektal Melayu di bahagian Barat Daya Laut China Selatan. Implikasi kajian fosil linguistik ini boleh dimanfaatkan untuk mengesahkan bahawa wilayah laut China Selatan Barat Daya ini menampung jaringan komunikasi dialektal Melayu yang penuh berinovasi sejak ribuan tahun lamanya.

Kata Kunci: Dialektal; fosil; Laut China Selatan; inovasi; Borneo

Linguistic Fossil Evidence in the Strengthening of Multiculturalism in the Southwest China Sea

Abstract

South China Sea is an area that is very strategic. This area now becomes a tussle field of high powers such as China and United States of America. Since early centuries this area is an important trade route. Thousands of islands in this

area becoming traders lounge, in terms of trading activities or as a port of transitory. In South West of Southern China sea area there exist hundreds of islands and amongst the large islands are Pulau Serasan-Panjang-Subi-Besar-Seroja, Pulau Riau, Pulau Matak-Siantan-Jemaja and Pulau Tioman. Indeed, all islands become a bridge link between Borneo and the mainland. In 18th and 19th century, Maluku region evidenced heavily gathered trading goods, which were then trades with Malacca. Thus, province that spreading from Sadong basin estuary to Tioman area stores linguistic fossils that form ancient communication network for centuries. Tioman is island topography that became an interport trade which connects Borneo with mainland since thousands years ago. Fossil features of Tioman Malay dialect are assumed to be similar with Sadong river basin fossil and this indicates the existence of Malay dialectal communication network of South West of Southern China sea area. The implication of this linguistic fossil study can significantly verify the thousands long year of Malay dialectal communication networks and its innovation within the area of South West of Southern China sea.

Keywords: Dialectal; fossil; South China Sea; innovation; Borneo.

1. Pengenalan

Hubungan sejarah perdagangan antara Borneo dan Semenanjung sudah wujud berabad-abad lamanya. Jika tidak wujud sejarah dagang tersebut, mana mungkin kata [mano?] ‘ayam’, yang berakar umbi di Kalimantan boleh wujud dan digunakan dalam komunikasi harian orang Melayu di Hulu Tembeling. Jika diukur jarak dalam kilometer antara Borneo dengan Hulu Tembeling, Pahang rupanya kata [mano?] ‘ayam’, ini boleh meninggalkan wilayah asalnya sejauh lebih 1000 km. Apa yang penting di sini ialah ratusan buah pulau yang bertebaran di Laut China Selatan Barat Daya menjadi pulau hentian dagang dan persinggahan sementara orang-orang Melayu dari Borneo untuk ke Semenanjung Malaysia. Justeru ratusan pulau ini menjadi bukti dan saksi bisu akan kecermerlangan penggunaan dialek Melayu dari Lembangan Sadong membawa ke Tioman dan ke Semenanjung Malaysia. Sebenarnya, jika diukur dalam jarak kilometer, dari muara lembangan Sadong ke sekelompok pulau Serasan-Panjang-Subi Besar-Seroja (Indonesia) hanya berjarak kurang daripada 200 km.

Selanjutnya, dari kepulauan ini ke Pulau Riau (Indonesia) hanya kira-kira 77 km, Pulau Riau ke Pulau Matak-Siantan-Jemaja (Indonesia) hanya 191 km, dan dari kepulauan ini terus ke Tioman (Malaysia) hanya berjumlah 616 km. Manakala jarak dari Tioman ke Kuala Rompin, Pahang hanya berjumlah 54 km sahaja. Secara ringkas, jarak dari muara Lembangan Sadong ke Tioman hanya berjumlah 862 km. Jarak yang sebegini adalah terlalu dekat di saat bangsa Melayu Polinesia unggul di lautan sebagai pedagang. Oleh yang demikian, di saat itulah dialek Melayu berkembang pesat di wilayah tersebut menjadi *lingua franca* perdagangan dan wadah komunikasi harian mereka.

Dua topografi yang menjadi tempat hunian manusia adalah lembangan sungai dan di pesisir pantai. Lihatlah tamaduan Mesir purba, India purba atau di mana jua asal tamaduan manusia, tempat inilah yang menjadi minat mereka untuk memulakan petempatan. Satu perincian yang cukup menarik berkaitan kewujudan dan ketamadunan kerajaan awal di Nusantara ini telah dikupas oleh Munoz (2009). Apa yang penting ialah semua kerajaan awal yang wujud di Nusantara ini hampir kesemuanya berlokasi di lembangan sungai dan di pesisir pantai. Borneo sebagai pulau ketiga terbesar di dunia memiliki keluasan 746,000 km² (King, 1992) dengan puluhan lembangan sungai menjadikan kawasan ini wilayah topografi penempatan manusia. Sememangnya diakui, jumlah penduduk yang tinggal di sini tidak seramai dan sepadat Jawa, namun di wilayah ini wujud ratusan bahasa yang bervariasi yang dituturkan oleh ratusan etnik manusia yang berbeza.

Wilayah Sarawak yang memiliki keluasan 124,976 km² (King, 1992) dihuni oleh belasan etnik bumiputera dan salah satunya ialah etnik Melayu. Etnik Melayu mendiami di sepanjang kawasan hilir dan pertengahan lembangan Sungai Sarawak, lembangan Sungai Saribas, lembangan Sungai Rejang dan lembangan Sungai Sadong. Maklumat daripada data Kajian Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010 untuk Sarawak menunjukkan bahawa jumlah penduduk etnik Melayu keseluruhan Sarawak berjumlah

551,567 orang. Daerah pentadbiran Samarahan dihuni oleh kira-kira 40,737 orang etnik Melayu, daerah Simunjan 20, 491 dan Asajaya seramai 26,032 orang. Justeru, jumlah etnik Melayu yang tercakup dalam kawasan kajian seramai 87,260 orang. Namun, kajian etnik Melayu berkaitan dialeknya di lembangan Sungai Sadong begitu kurang dan jarang dilakukan. Malahan, menurut catatan Cense dan Uhlenbech (1958:7). *“Everywhere along the coast and far up-stream Malay dialects have spread; they are indicated by the name of the region where they are spoken. ... Concerning Sarawak Malay very little is known”*.

Pulau Tioman, ribuan tahun yang lalu sudah pun menjadi pengikat antara kawasan Semenanjung dengan Borneo. Menurut Collins (1986:895), Laut China Selatan terutamanya pada bahagian barat daya menampung satu aliran budaya dan niaga Melayu yang amat cemerlang. Beberapa buah deretan pulau besar, iaitu pulau Tioman, pulau Matak-Siantan-Jemaja, Anambas dan Natuna, Riau dan Serasan-Panjang-Subi Besar-Seroja menjadi penyatu antara Semenanjung dan Borneo. Menurut Putuhena (Collins, 1986:895) bahtera purba yang memuatkan rempah-ratus dari kepulauan Maluku belayar menyusuri pantai Borneo dan singgah untuk urusan perdagangan di Melaka.

Bagaimana ‘meriah’ wilayah Barat Daya laut China Selatan-Tioman ini dalam urusan perdagangan dan pentadbiran maritim ketika itu, Collins (1986:895-897) mendeskripsikan seperti berikut;

Bahtera purba yang memuat rempah-ratus kepulauan Maluku belayar menyusuri pantai utara pulau Borneo menuju bandar Melaka untuk perdagangan antarabangsa. Sementara orang Filipina pula melalui jaringan pelayaran ini untuk berdagang di bandar Melaka. ...dalam Hikayat Hang Tuah kita membaca bahawa adipati Pulau Jemaja di kepulauan Anambas serta pengikutnya dianugerahi oleh Sultan Melaka atas perkhidmatannya di Pahang. Pada abad keenam belas, daerah Kabong dan Kelaka di Sarawak di bawah kuasa Sultan Johor; setiap tahun ufti (yang berupa air pinang muda) dikirim kepada sultannya. Pada abad kesembilan belas, dilaporkan bahawa ‘lanun’ yang berpusat di Pulau Jemaja menjual abdi dan rompakannya dari seluruh nusantara. ...Laut China Barat Daya merupakan daerah Melayu yang erat hubungannya dengan ‘daerah inti’ Melayu, misalnya Melaka.

Justeru, kemeriahan wilayah kelautan ini bukan setakat urusan dagangan barangan sahaja, malahan melibatkan juga urusan diplomatik dan anugerah kebesaran negara, hegemoni Johor ke atas tanah kekuasaannya di Sarawak, dan sehinggalah aktiviti penjualan hamba abdi dan hasil rompak. Tentulah kita akan bertanya, apakah bentuk bahasa yang digunakan ketika itu agar prose komunikasi menjadi lebih akrab dan komunikatif? Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah dialek Melayu yang menjadi wahana pertuturan dalam semua aktiviti maritim tadi. Pulau Tioman menjadi pulau persinggahan dan pelabuhan penting ribuan tahun lalu. Tioman dengan keluasan 39 km panjang dan 12 km lebar mempunyai populasi penduduk pada tahun 2008 seramai 432 orang (https://ms.wikipedia.org/wiki/Pulau_Tioman). Etnik yang mendiami pulau ini majoritinya etnik Melayu dan yang lain ialah etnik Cina.

2. Permasalahan dan Objektif

Kajian dialek Melayu di Sarawak dan Tioman amat langka dan tidak banyak dilakukan. Di Sarawak, walaupun orang Melayu merupakan etnik ke-3 terbesar, iaitu 551,567 orang, kajian ke atas dialek ini sama ada pada zaman kolonial atau pada masa kini boleh dikatakan cukup terhad. Pada zaman kolonial, kajian dialek Melayu Sarawak hanya dijadikan kajian pengantar pada kajian bahasa-bahasa Bumiputera Sarawak yang lain. Kajian Chalmers (1896), dan Hose (1896) umpamanya, hanya menjadikan data dialek Melayu Sarawak sebagai mukadimah kajian mereka sahaja, ertinya satu bentuk kajian yang tidak mendalam dan ini menunjukkan bahawa kajian ke atas dialek Melayu ini tidak penting pada mereka ketika itu. Malah Cense dan Uhlenbeck (1958) mengatakan bahawa pengetahuan mengenai dialek Melayu Sarawak amat sedikit diketahui.

Para kolonial ketika itu lebih menumpukan pada kajian bahasa-bahasa Bumiputera yang lain, misalnya Iban, Bidayuh, Melanau, Kelabit, Kayan, dan Kenyah atau bahasa Orang Hulu dan lain-lain

kerana komuniti ini mengambil jumlah penduduk yang terbesar di Sarawak. Data jumlah penduduk Sarawak (2010), menunjukkan etnik Iban berjumlah 693,358, Bidayuh 192,960, Melanau 119,897 dan lain-lain Bumiputera seramai 152,074 orang. Jumlah keseluruhan etnik bumiputera Sarawak kira-kira 1,158,289, manakala etnik Melayu Islam hanya 555,567 sahaja. Majoriti etnik bumiputera Sarawak ini beragama Kristian, kecuali etnik Melanau ada sebahagiannya beragama Islam. Justeru, penekanan kajian ke atas bahasa Bumiputera Sarawak oleh kolonial ketika itu sememangnya memiliki semangat kebersamaan agama dengan mereka (kolonial).

Kajian ke atas dialek Melayu Sarawak juga tidak berkembang dengan baik setelah merdeka. Beberapa kajian ke atas dialek Melayu Sarawak dilakukan oleh beberapa tokoh besar linguistik dan oleh sekumpulan mahasiswa dalam usaha untuk menyelesaikan projek sarjana muda mereka, mialnya kajian yang dilakukan oleh Asmah (1977, 1981, 1983, dan 1994), Madzhi (1972), Zainal (1976), Mastura (1979), Taha (1981), Collins (1987), Munarwar (2014), Mohd. Ali Salim (2015), Subadron (2015) dan Sharhaniza (2016). Kajian Mohd. Ali Salim (2015) kelihatannya melihat perspektif lain, iaitu melihat aspek perkataan, ayat dan aspek perbualan terhadap dialek Melayu Sarawak yang dituturkan di Simunjan. Walau bagaimana pun, kajian ini tidak memuaskan kerana peneliti bukan ahli dalam bidang linguistik. Pemerian aspek perkataan, ayat dan perbualan dilakukan tidak ilmiah dan jauh sekali daripada landasan ilmu linguistik kontemporar.

Kajian Munarwar (2014) dan kajian Sharhaniza (2016) adalah dua kajian yang lokasi kajiannya tidak lagi tertumpu di lembangan Sungai Sarawak, sebaliknya kajian ini melihat keberadaan dialek Melayu Sarawak di Lembangan Sadong. Menurut Munarwar (2014), daripada semua lembangan sungai di bahagian Sarawak Barat, hanya lembangan Sungai Sarawak dan Sungai Saribas yang pernah diteliti sebagai kawasan kajian linguistik. Hal ini bermakna lembangan Sungai Sadong masih jauh belum diteroka dan dicungkil fenomena linguistiknya. Walaupun kedua-dua kajian ini memberi tumpuan di Lembangan Sadong, namun fenomena linguistik yang diperikan itu tidak memadai, apatah lagi mengaitkan keberadaan dialek ini dengan jaringan komunikasi di luar muara Lembangan Sadong, misalnya hubungan dialek Lembangan Sadong ini dengan dialek Tioman.

Berkaitan kajian di Tioman, hanya ada dua kajian eksotik berkaitan dialek ini yang dilakukan oleh Collins (1985 dan 1986). Kajian dialek Tioman yang dilakukan oleh Collins (1985 dan 1986) sebenarnya satu kajian yang dibuat sebagai latihan amali untuk staf Dewan Bahasa dan Pustaka dan kajian ini dilakukan pada tahun 1982. Tiga tahun kemudian barulah kajian ini diterbitkan dalam jurnal Dewan Bahasa ketika itu. Kajian ini sudah berusia 35 tahun dan tentunya dengan jarak masa sebegini pelbagai perubahan telah berlaku, khasnya ke atas dialek yang ada di pulau tersebut. Kajian Norfazila, Rahim & Shahidi (2017) ke atas keberadaan dialek Melayu di Pulau Tioman dan membandingkan dialek ini dengan bahasa Melayik Purba (PMP) merupakan satu kajian yang terkini. Antara objektif dalam kajian ini adalah i) membandingkan vokal BMP dengan varian DMTAP (Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil), ii) membandingkan diftong BMP dengan DMTAP, iii) membandingkan konsonan BMP dengan varian DMTAP, dan iv) menilai status inovasi dan retensi bersama yang hadir dalam ragam DMTAP.

Baik kajian dialek Melayu di Sarawak atau pun kajian di Tioman, kajian-kajian ini hanya melihat ciri linguistik yang terjadi hanya di lokasi tersebut (lihat Ab. Samad Kechot et. al., 2012, Rahim et. al., 2012, 2014 & Zulkifley & Naidatul, 2013). Gabungan ciri linguistik yang terjadi antara dialek Melayu Sarawak dengan Tioman dalam bentuk yang bagaimana cirinya, belum dilakukan secara mendalam. Sejauh ini, kita tidak mengetahui secara baik bagaimana bentuk jaringan hubungan komunikasi dialektal antara Borneo dengan Tioman dan Semenanjung. Kita tidak mengetahui ciri linguistik apa yang mengikat rangkaian jaringan komunikasi ini sedangkan ribuan tahun lampau wilayah ini menjadi wilayah yang sesak dengan hubungan budaya dan perdagangan umat Melayu ketika itu. Justeru Collins (1986:897) mengatakan bahawa kegemilangan pelayaran Melayu di kawasan ini telah 'redup' lantaran politik penjajah yang memecahkan

keutuhan dunia Melayu, sehingga kita tidak sedar ada tiga pulau yang menjadi pengikat Semenanjung dengan Borneo.

Berdasarkan permasalahan di atas, objektif dalam penulisan ini adalah untuk melakar dan membincangkan bagaimana bentuk inovasi yang berlaku antara dialek Melayu Lembangan Sadong dengan dialek Melayu Tioman. Fenomena inovasi adalah fenomena sejarah dan ini bererti apabila adanya inovasi, maka dua bahasa atau dialek yang dahulunya menyatu kini terpecah. Proses komunikasi menjadi berbeza, sedangkan dahulunya masyarakat penutur ini adalah satu, berkongsi bahasa atau dialek yang sama, berkongsi budaya dan cara hidup yang sama. Namun kini, kesamaan tadi sudah melebur, masing-masing wujud dalam lingkungan dan cara berbahasa, dan cara berbudaya yang berbeza.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan dua kaedah kajian, iaitu kajian pustaka dan kajian lapangan. Kajian pustaka lebih melihat kepada kajian dokumen yang berupa buku, jurnal, dokumentari dan apa jua bahan yang memberikan maklumat berkaitan dialek Melayu Sarawak dan Tioman, dan kerangka analisis berkaitan pendekatan linguistik sejarawi. Kajian lapangan pula melibatkan wilayah lokasi kajian, pemilihan informan, metod dan teknik pengumpulan, analisis dan pemaparan data. Selain itu, sebagai satu kajian yang melihat aspek fonologi, maka daftar leksikal juga perlu diatur dan disusun sesuai dengan topografi kajian.

Topografi lembangan sungai Sadong merupakan lokasi kajian ini. Kampung-kampung yang dijadikan kawasan kajian ialah Kampung Sageng, Keleka, Kampung Nanas, Pekan Simunjan, Kampung Hijrah, pekan Sadong Jaya, Kampung Pendam, Kampung Semera dan Kampung Jaie. Semua kampung-kampung ini terletak di tebing kiri dan kanan Sungai Sadong. Di Tioman, kampung-kampung yang diteliti adalah kampung Tekek, Juara, Salang-Aur-Pemanggil. Pemilihan informan berdasarkan kriteria NORM dan adakalanya informan dipilih berlawanan dengan ciri NORM, demi memperoleh satu dapatan data yang lebih bersifat tabii. Metode pengumpulan data menggunakan metode cakap dan semak, manakala teknik pengumpulan data pula ialah teknik wawancara, observasi, pengajuan gambar, rakaman, dan catatan. Analisis dan pemaparan data menggunakan cara analisis dan pemaparan data kerangka linguistik sejarawi dan penggunaan lambang-lambang mengikut kerangka ilmu tersebut. Peta 1 di bawah menunjukkan jaringan komunikasi dialektal Melayu dari Muara Lembangan Sadong-Natuna-Riau-Anambas-Tioman.



Peta 1. Jaringan Dialektal Melayu Lembangan Sadong-Natuna-Riau-Anambas-Tioman

4. *Nomenclature* Dialek Melayu Sarawak

Inventori nomenklatur dialek Melayu Sarawak tidak dikaji secara bersungguh-sungguh seperti mana kajian yang dilakukan ke atas bahasa-bahasa Dayak di Sarawak. Sepanjang abad ke-19, sewaktu Sarawak berada di bawah pentadbiran kolonial, penumpuan kajian ke atas bahasa-bahasa Dayak dijalankan secara bersungguh-sungguh (lihat Rahim et. al., 2015). Sebagai contoh, seorang mubaligh Kristien St. John (Roth, 1896) menerbitkan senarai leksikal perbandingan antara bahasa Inggeris dengan bahasa Dayak Sadong, Lara, Sibuyau. Selakau dan Lundu. Malahan jauh sebelum itu, seorang lagi mubaligh Kristien, Chalmers menerbitkan senarai leksikal perbandingan bahasa Inggeris dengan bahasa Dayak Sentah (Roth, 1896). Kita boleh mengatakan kajian ke atas bahasa-bahasa Dayak pada era akhir 1800 cukup cemerlang, tetapi kajian ke atas dialek Melayu Sarawak kurang diberi penumpuan (lihat Ab. Samad Kechot et. al., 2017). Walau bagaimana pun, satu koleksi leksikal yang berjumlah 43 leksikal yang dikumpulkan di 24 bahagian Sarawak yang berbeza telah menampilkan satu perbandingan antara bahasa Melayu, Bugis, Banjar, Dayak Pulapetak, Dayak Karangan, Dayak Sinding dan Meratei (Hupe dalam Roth, 1896). Namun, daftar bahasa Melayu yang dibandingkan dengan bahasa-bahasa Dayak ini menurut Hupe, sebenarnya diambil daripada Brooke yang memerintah Sarawak ketika itu.

Selain itu, seorang pegawai kolonial yang mentadbir daerah Baram ketika itu, iaitu Hose telah melakukan satu kajian perbandingan dialek-dialek yang dituturkan di daerah tersebut. Dialek-dialek yang dikaji oleh Hose ketika itu ialah Kayan, Kenniah, Punan, Kelabit, Narom, Sibop, Melayu Brunei dan bahasa Melayu. Kajian perbandingan ini pertama kali diterbitkan dalam *Jurnal Geographia* pada tahun 1893 dan kemudiannya diterbitkan kembali oleh Ling Roth pada tahun 1896. Justeru, sepanjang abad tersebut, kajian ke atas dialek Melayu Sarawak cukup kurang dan tidak diberikan perhatian. Kajian yang ada pun tidak dilakukan secara bersepadu dan ada kalanya mengambil data kajian yang lama yang telah dijalankan sebelumnya. Mungkin penekanan yang lebih pada kajian bahasa-bahasa Dayak ini bertujuan untuk proses kristianisasi.

Kajian Ray (1913) berkaitan bahasa-bahasa di Borneo memperlihatkan ada sedikit penumpuan pada kajian dialek Melayu di Sarawak. Mungkin kerja-kerja penyelidikan ke atas dialek Melayu Sarawak dilakukan oleh Ray ketika beliau menetap di Borneo sejak tahun 1898 sehingga tahun 1899 (lihat Cense & Uhlenbeck, 1958:5). Penghuraian dialek Melayu di Sarawak yang diusahakan olehnya walaupun memperincikan bahasa Melayu sebanyak lapan baris, namun pada bahagian pemerincian kata ganti nama baik interogatif atau pun demonstratif, data bahasa Melayu Sarawak turut dibincangkan (Ray, 1913: 54-57). Selain itu, dalam senarai leksikal siri ketiga yang berjumlah 211 leksikal yang dikumpulkan oleh Ray (1913: 155-196), beliau membandingkan bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Melayu Brunei dengan semua bahasa Dayak yang ada di Borneo ketika itu.

Selanjutnya, tulisan Cense dan Uhlenbeck (1958) sebenarnya satu tulisan yang mengulangi hasil kajian sebelum yang dilakukan oleh para mubaligh Kristien yang berkhidmat di Borneo. Rincian ke atas dialek Melayu Sarawak terlalu sedikit sehingga mereka sendiri berargumentasi bahawa maklumat berkaitan dialek Melayu Sarawak ini terlalu sedikit diketahui. Cense dan Uhlenbeck tidak melakukan kajian di lapangan, sebaliknya menggunakan maklumat dialek Melayu Sarawak yang telah dikemukakan oleh Ray (1913) dan hasil kerja lapangan Chalmers yang dijalankannya pada tahun 1861, yang kemudiannya diterbitkan semula oleh Ling Roth (1896). Justeru, perkembangan dialek Melayu Sarawak pada abad ini sama sekali tidak menunjukkan kecemerlangan dan aspek linguistik yang dikaji hanyalah berligar sekitar perbandingan leksikal antara bahasa.

Kajian Madzhi (1972) ke atas dialek Melayu Kuching, Sarawak merupakan satu kajian linguistik deskriptif yang diusahakan oleh anak jati Sarawak. Sebelum ini, seperti mana yang kita telah faham kajian dialek ini dimonopoli oleh para mubaligh Kristien, antropolog barat dan pegawai-pegawai kolonial yang berada di Sarawak ketika itu. Kajian ini adalah kajian pertama bernuansa linguistik. Kajian ini merupakan

satu deskriptif fonetik dan fonemik dialek Melayu Kuching yang berlokasi di sekitar Kuching, Muara Tebas hinggalah ke daerah Santubong. Menurut Collins (1987), kajian oleh Madzhi ini merupakan landasan yang teguh untuk segala kajian linguistik moden berkaitan dialek Melayu Sarawak. Kajian Madzhi (1972) ini ada kelemahannya, iaitu beliau hanya melakukan deskripsi distribusi fonem sahaja dan tidak melihat kriteria perubahan fonologi dan kelainan leksikal yang wujud di lokasi penelitiannya (lihat Munarwar, 2014).

Tulisan Zainal (1976) dalam *Sarawak Museum Journal* walaupun menumpukan pada aspek nilai hidup dan adat orang Melayu Sarawak, maklumat linguistik juga diutarakan. Maklumat linguistik tersebut ialah beberapa struktur sintaksis dan leksikal dialek berkenaan. Maklumat linguistik yang ditampilkan oleh Zainal ini sememangnya sedikit kerana beliau bukanlah seorang linguis sebaliknya beliau merupakan seorang tokoh budaya. Kajian Asmah (1977) menampilkan dapatan yang berbeza seperti mana yang wujud dalam dialek Melayu Sarawak. Menurut Asmah, dialek Melayu Sarawak mempertahankan /l/ di akhir kata sebagai bunyi lateral, sedangkan data menunjukkan bahawa konsonan /l/ pada akhir kata wujud sebagai hentian glotal /ʔ/.

Selain itu, Asmah juga berpendapat diftong /aj#/ wujud dalam Melayu Sarawak, sedangkan data daripada dialek Melayu Sarawak memperlihatkan /aj#/ yang wujud itu merupakan fonem /o/ atau /ə/. Kajian yang dilakukan oleh Mastura (1979) menerapkan pendekatan generatif ke atas dialek Melayu Sarawak, namun kajian ini agak kurang berjaya (Collins, 1987:15). Hanya satu dapatannya yang baik ialah mendeskripsikan maklumat morfologi dialek tersebut yang sebelum ini tidak pernah dilakukan. Selanjutnya, tulisan Taha (1981) masih berkisar sekitar ragam Melayu Kuching. Penemuan linguistik ragam ini ada kalanya mengelirukan. Taha tidak teliti dalam mendeskripsikan dialek Melayu Kuching ini kerana ada ketikanya pengaruh bahasa Iban turut disertakan ketika menghuraikan ciri khas ragam Melayu Kuching.

Kajian sintaksis dialek Melayu Sarawak, khasnya di Kampung Buntal telah dijalankan oleh Bhaludin (1983) dalam satu bentuk latihan ilmiah. Dapatan beliau mengatakan bahawa tidak adanya perbezaan sintaksis pada semua ragam dialek Melayu di Sarawak. Selain itu, perbincangan juga dilakukan pada ayat pasif dan ayat tanya dan semua perbincangan ini menerapkan teori sintaksis generatif (lihat Rahim Aman & Norfazila Ab. Hamid, 2015). Selanjutnya, empat tahun kemudian, Collins (1987) telah menerbitkan satu huraian yang cukup cemerlang berkaitan dialek Melayu Sarawak ini. Collins melakukan kajian di 25 buah kampung iaitu 18 buah kampung di lembangan Sungai Sarawak dan baki 7 buah kampung lagi tersebar di lembangan Sungai Lundu, Semarahan, Sadong dan Saribas. Kajian yang memakan masa 10 hari ini menghasilkan satu dapatan yang amat bererti.

Fenomena fonologi dibincangkan secara teliti khasnya ciri keseragaman fonologi di lembangan Sungai Sarawak. Collins (1987) juga menemukan satu dapatan iaitu di lembangan Semarahan, Sadong, dan Saribas rupanya wujud beberapa fenomena fonologi yang agak bervariasi. Usaha pemetaan juga dilakukan, khasnya terhad di lembangan Sungai Sarawak, iaitu pada kata-kata yang tertentu. Collins (1987) mengakhiri kajiannya dengan membuat satu kesimpulan bahawa di wilayah laut China Barat Daya atau di bahagian laut China Selatan wujud satu cabang bahasa Melayu Induk dan daripada cabang ini lahir dua dialek, iaitu dialek Sarawak dan dialek Tioman. Collins (1987:64) mengutarakan ciri inovasi bersama yang terjadi pada kedua dialek ini, iaitu sewaktu dialek ini masih bersatu pada waktu purba dahulu. Ciri inovasi bersama tersebut ialah berlakunya penambahan [ʔ] pada akhir kata, penyingkatan kelompok NK dalam kata trisilabis dan berlakunya inovasi leksikal dan semantik.

Kalau kajian Collins (1987) lebih khusus melihat fenomena linguistik dialek Melayu Sarawak di lembangan Sungai Sarawak, 27 tahun kemudiannya Munarwar (2014) memperincikan kajiannya ke atas dialek Melayu lembangan Sadong. Kelihatannya, kampung-kampung yang dikunjungi oleh beliau mencakupi kampung-kampung yang berlokasi di tebing kiri dan kanan lembangan hilir Sungai Sadong (Munarwar 2014:38-39). Menurut beliau, beberapa gejala fonologi terjadi dalam dialek ini, iaitu perubahan

konsonan /N-/ pada akhir kata, penghilangan /h/ pada awal dan tengah kata, penambahan /-ʔ/ pada akhir kata, variasi vokal /-a/ pada posisi akhir kata, diftongisasi konsonan likuida di akhir kata, dan monoftongisasi bunyi diftong. Selain itu, satu perbandingan dilakukan dengan bahasa Melayik Purba (BMP) dan hasilnya daripada data leksikal berjumlah 200 leksikal, 167 leksikal beretensi dengan BMP dan 33 leksikal lagi mengalami inovasi (Munarwar, 2014:94).

Penyelidikan berkaitan morfologi dialek Melayu Sarawak, khasnya di pulau Salak dibincangkan dalam satu karya latihan ilmiah oleh Subadron (2015). Kajian ini merupakan satu kajian morfologi pertama dialek Melayu Sarawak. Berdasarkan kajian ini, wujud enam awalan iaitu {N-}, {di-}, {beR-}, {teR-}, {se-}, {eN-} dan {ke-}, dua imbuhan akhiran {-an} dan {-kan}, sebuah apitan {ke-an}, dan dua apitan {-el-} dan {-er-}. Hasil daripada kajian ini, Subadron (2015) membuat kesimpulan bahawa dialek Melayu Sarawak Pulau Salak mempunyai kelainan tersendiri yang berbeza dengan dialek Melayu Sarawak lain.

Kajian sharhaniza (2016) berkaitan dialek Melayu Simunjan membuktikan bahawa dialek ini memiliki sistem lima vokal, iaitu /i, e, a, u, o/ dan 18 konsonan, iaitu /p, b, t, d, k, g, tʃ, dʒ, m, n, ɲ, ŋ, s, l, h, ʁ, w, j/. Proses fonologi yang terjadi dalam dialek ini antaranya nasalisasi vokal, palatalisasi, labialisasi, neutralisasi konsonan dan vokal, pengguguran konsonan, penyisipan konsonan, peleburan konsonan, metatesis, diftongisasi, monoftongisasi, dan penggantian konsonan. Selain itu, perbandingan dialek Melayu Simunjan dengan bahasa Iban Betong menemukan dialek dan bahasa ini berkongsi ciri dalam proses homorganik nasal dan pengguguran yang melibatkan bunyi obstruen yang hadir sebelum nasal yang mempunyai persamaan titik artikulasinya.

Berkaitan kajian literatur Tioman, hanya dua kajian telah dilakukan oleh Collins (1985 & 1986). Kajian linguistik ini dijalankan oleh Collins pada Jun 1982 sebagai pelatihan untuk pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian Collins (1985) lebih memperincikan dialek Tioman dan kalau ada pun perbandingan hanya membandingkan dialek tersebut dengan bahasa Melayu Induk. Kajian ini memperincikan tiga ciri fonetik dialek Tioman, iaitu i) keberadaan fonem /ʔ/ dan /k/ pada akhir kata, ii) kewujudan vokal tengah madya pada suku akhir tertutup, dan iii) terjadinya pemisahan fonemis *i dan *u pada posisi suku praakhir. Perbandingan dialek Tioman dengan dialek Melayu Sarawak diungkapkan oleh Collins dalam penulisannya pada tahun 1986. Dalam penulisan ini, kriteria tataunyi yang diutarakan oleh Collins meliputi i) penambahan [ʔ] pada akhir kata, ii) penyingkatan kelompok NK dalam kata trisilabik, iii) penambahan [ʔ] sebagai penanda sintaksis, iv) persamaan dalam inovasi leksikal, dan v) persamaan dalam inovasi semantik. Fenomena yang disenaraikan ini wujud sama ada dalam dialek Melayu Sarawak dan dialek Tioman.

Berdasarkan keseluruhan kajian yang telah dilakukan ini, kelihatannya kajian lembangan Sadong masih kurang dilakukan. Kajian Munarwar (2014) hanya satu kajian awal di kawasan tersebut dan fenomena fonologi yang diutarakannya hanya bersisat *in-situ* dan tidak ada kesinambungan dengan kawasan yang lebih luas. Hal ini bukanlah kelemahan kajian tersebut kerana objektif kajian itu lebih tertumpu di wilayah berkenaan. Kajian Tioman pula masih terhad dan perlu kajian tambahan. Kajian Norfazila, Rahim & Shahidi (2017) berkaitan tiga varian dialek Tioman akan dimanfaatkan di dalam tulisan ini, di samping data hasil kajian yang telah dijalankan oleh Collins (1985 & 1986). Justeru, dalam penulisan ini rangkaian fenomena fonologi akan digandingkan secara teliti mencakupi lembangan Sadong, lembangan Sarawak dan Tioman.

5 . Data dan Perbincangan

Diftongisasi vokal tinggi /i/ dan /u/ pada akhir kata merupakan satu lagi gejala inovasi bersama yang hanya berlaku dalam ragam lembangan Sarawak dan Sadong, tetapi inovasi ini tidak berlaku dalam ragam Tioman. Deretan dua vokal /-iy/ atau /-uw/ ini dibunyikan secara tegas dan hadirnya geluncuran [-y] dan [-w] ini bukan bercirikan minor. Kehadiran ciri inovasi bersama ini dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 1. Diftongisasi vokal tinggi di Lembangan Sarawak, Sadong dan Tioman

Erti	Lembangan Sarawak	Lembangan Sadong	Tioman
/kaki/	[kakiy]	[kakiy]	[kaki]
/hati/	[atiy]	[atiy]	[ati]
/gigi/	[gigiy]	[gigiy]	[gigi]
/lelaki/	[lakiy]	[lakiy]	[laki]
/debu/	[dəbuw]	[dəbuw]	[dəbu]
/susu/	[susuw]	[susuw]	[susu]
/kutu/	[kutuw]	[kutuw]	[gutu]

Ragam Tioman Kampung Tekek, Kampung Juara dan Kampung Salang sama sekali tidak memperlihatkan gejala ini. Vokal tinggi /-i/ dan /-u/ pada akhir kata tetap diucapkan [-i] dan [-u] tanpa adanya ciri geluncuran setelah vokal tersebut. Artinya, vokal /-i/ dan /-u/ wujud secara tegas pada posisi akhir kata.

Ragam dialek Lembangan Sarawak dan Lembangan Sadong mengalami proses monoftongisasi diftong /-aj/ dan /-aw/. Dalam ragam Tioman, proses ini tidak berlaku dan rupanya ragam ini mengalami retensi. Jadual 2 di bawah memperlihatkan gejala ini.

Jadual 2. Monoftongisasi diftong di Lembangan Sarawak, Sadong dan Tioman

Erti	Lembangan Sarawak	Lembangan Sadong	Tioman
/sungai/	[suŋe]	[suŋe]	[suŋaj]
/serai/	[səye]	[səye]	[səʔaj]
/kerbau/	[kəybo]	[kəybo]	[kəybaw]
/pulau/	[pulo]	[pulo]	[pulaw]

Berdasarkan Jadual 3 di atas, diftong /-aj/ dan /-aw/ pada kedua-dua lembangan mengalami proses monoftongisasi, manakala ragam Tioman masih mengekalkan diftong /-aj/ dan /-aw/.

Proses pendepanan [-ŋ] merupakan satu ciri yang wujud baik di lembangan Sarawak mahu pun di lembangan Sadong. Ciri perubahan [-ŋ] yang menjadi [-n] apabila bunyi ini mengikuti vokal depan [i], atau dapat dirumuskan seperti berikut; ŋ > -n/i, _#. Jadual 3 di bawah membuktikan gejala ini.

Jadual 3. Proses pendepanan [-ŋ] di Lembangan Sarawak, Sadong dan Tioman

Erti	Lembangan Sarawak	Lembangan Sadong	Tioman
/daging/	[dagin]	[dagin]	[dəgiŋ]
/cacing/	[tʃatʃin]	[tʃatʃin]	[[tʃatʃiŋ]
/kuning/	[kunin]	[kunin]	[kəneŋ]
/kering/	[kəyin]	[kəyin]	[kəyeŋ]

Ciri pendepanan geseran velar bersuara ini tidak berlaku di Tioman. Tiga varian data dialek Tioman yang dikaji memperlihatkan varian ini mengalami retensi dengan bahasa Melayu Induk, iaitu geseran bersuara ini dikekalkan. Sebenarnya, menurut Collins (1996), ciri ini juga dijumpai dalam dialek Kedah dan dialek ‘Orang Laut’ di Sumatera Utara.

Inovasi pemisah lain yang terjadi antara lembangan Sarawak dan Lembangan Sadong pada satu pihak dengan Tioman ialah rangkap /-al/ dan /-ur/ pada akhir kata akan wujud sebagai diftong dalam kedua-dua lembangan. Manakala, dalam Tioman, rangkap ini tetap wujud sebagai satu retensi. Jadual 4 di bawah memperlihatkan gejala ini.

Jadual 4. Pendiftongan Rangkap /-al/ dan /-ur/ di Lembangan Sarawak, Sadong dan Tioman

Erti	Lembangan Sarawak	Lembangan Sadong	Tioman
/tebal/	[təbaj]	[təbaj]	[təbal]
/gatal/	[gataj]	[gataj]	[gatal]
/telur/	[təloj]	[təloj]	[təlur]

Namun begitu, dalam kajian di Kampung Juara dan Salang, Tioman rangkap /-al/ dan /-ur/ wujud sebagai /o/.

Berdasarkan pengajuan data di atas, jelas menunjukkan bahawa hubungan Lembangan Sarawak-Sadong dengan Tioman mengalami inovasi tatkala kedua-dua variasi ini mula memisahkan di antara satu dengan lain. Inovasi pemisah, tatkala ragam Tioman memisahkan dirinya daripada ragam sarawak-Sadong dapat dibuktikan seperti gejala fonologi di bawah, iaitu:

- i) Diftongisasi vokal tinggi /i/ dan /u/ pada akhir kata,
- ii) Monoftongisasi diftong /-aj/ dan /-aw/, dan
- iii) Pendepanan [-ŋ]
- iv) Pendiftongan rangkap /-al/ dan /-ur/.

Berdasarkan ciri fosil di atas membuktikan bahawa ragam dialek Melayu Sarawak-Sadong dan Tioman merupakan dua cabang dialek yang sudah berbeza pada ketika ini, namun ribuan tahun lalu kedua-dua ragam ini menyatu utuh sebagai satu ragam yang otonom. Justeru, kita boleh meletakkan tiga ciri fosil, iaitu penyebaran fonem /h/ pada posisi awal kata, penambahan hentian glotis dan penyingkatan kelompok NK pada sepanjang jaringan laut China Selatan, iaitu menyebar dari lembangan Sadong-lembangan Sarawak sehingga ke Tioman. Namun kini, dengan perkembangan dua ragam ini yang berlokasi di wilayah yang berbeza, masing-masing ragam berkembang secara tersendiri menyebabkan terjadi pemisahan.

6. Kesimpulan

Sesungguhnya, satu jaringan integrasi dialektal di Laut China selatan Barat Daya yang menghubungkan Borneo, khasnya Sarawak, Tioman dan kawasan pesisir pantai Timur Semenanjung dan termasuk juga kepulauan Natuna dan Anambas telah lama wujud. Kewujudan hubungan dialektal ini bermakna juga telah wujudnya hubungan sesama umat Melayu Polinesia (Austronesia) yang sudah terjalin ribuan tahun lampau. Mungkin satu kelemahan kita ialah maklumat fosil di Pulau Natuna dan Anambas belum ada pada meja-penyelidik linguistik sejarah di Malaysia dan mungkin juga tidak keterlaluan kalau kita mengatakan hal yang sama terjadi di Indonesia.

Sehingga saat ini, penyelidik Malaysia boleh berbangga kerana maklumat fosil linguistik yang ada di lembangan Sarawak dan lembangan Sadong mencukupi dan hal yang sama juga terjadi di Tioman. Ertinya, maklumat fosil ragam dialek Tioman sudah boleh ‘dirasa’ dan ‘disentuh’. Mungkin kekurangannya ialah maklumat fosil yang wujud di sepanjang pesisir pantai Timur Semenanjung yang sehingga kini belum dikaji secara tuntas dengan metode penelitian yang tepat dan jitu. Puluhan pulau kecil yang bertebaran di sepanjang jaringan lautan tadi, misalnya Pulau Tambelan, Pulau Aur dan Pulau Pemanggil dan mungkin juga ada pulau-pulau yang tidak bernama, fenomena linguistiknya belum dicungkil dan dimaklumkan. Oleh yang demikian, kerja ahli linguistik sejarah dan ahli dialektologi masih banyak dan usaha ini mesti

dijalankan demi menguak tabir jaringan dialektal umat Melayu yang sebahagiannya tenggelam bersama pentas Sunda jutaan tahun yang lampau.

Rujukan

- Ab. Samad Kechot, Shahidi AH, Rahim Aman, Zuraidah Hassan & Daeng Haliza Daeng Jamal. 2012. Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 8 (8):35-46.
- Ab. Samad Kechot, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2017. Komunikasi sosial dalam kalangan etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 33 (1): 158-172.
- Asmah Hj. Omar. 1977. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Hj. Omar. 1981. Pengumpulan perbendaharaan kata bahasa-bahasa Sarawak: Penduan untuk penyelidik. *Dewan Bahasa* 9 (6): 31-42.
- Asmah Hj. Omar. 1983. Bahasa dalam konteks masyarakat dan budaya kaum Bumiputera Sarawak. *Dewan Bahasa* 5 (8): 305-321.
- Asmah Hj. Omar. 1994. Bahasa-bahasa Bumiputera di Sarawak. *Sarawak Museum Journal* XLVII (68): 146-157.
- Bhaludin Saleh. 1983. Beberapa bidang sintaksis dialek Melayu Sarawak. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Calmers JT. 1896. Vocabulary of English and Sarawak Dayaks. In: Roth HL. (ed) *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Truslove and Hanson, London.
- Cense AA & Uhlenbeck EM. 1958. Critical survey of studies on the languages of Borneo. Martinus Nijhoff, S-Gravenhage.
- Collins JT. 1985. Fonologi dialek Melayu Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu Induk. *Dewan Bahasa* 5 (7): 369-383.
- Collins JT. 1986. Dunia Melayu dan dialek Melayu: Wilayah Laut China Barat Daya. *Dewan Bahasa* 12 (3): 895-907.
- Collins JT. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hose C. (1896). A short collection. In: Roth HL. (ed) *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Truslove and Hanson, London.
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Pulau_Tioman.
- Hupe RC. 1896. A collection of forty-three words in use in twenty-four different districts. In: Roth HL. (Ed.) *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Truslove and Hanson, London.
- King VT 1992. *The peoples of Borneo*. Blackwell, Oxford.
- Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. 2010. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mastura Anuar. 1979. Aspek Fonologi dan morfologi dialek Melayu Sarawak: Satu kajian preliminary. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazhi Johari. 1972. Fonologi dialek Melayu Kuching, Sarawak. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Salim. 2015. *Dialek Melayu Sarawak perkatan, ayat dan perbualan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohammad Munarwar Azmi. 2014. Deskripsi fonologi dialek Melayu Sarawak di Lembangan Batang Sadong. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Subadron Abdul Rahman. 2015. Proses pengimbuhan dialek Melayu Kuching di Pulau Sayak. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munoz, PM. 2006. *Kerajaan-kerajaan awal kepulauan Indonesia dan Semenanjung Malaysia*. Mitra Abadi, Yogyakarta.
- Norfazila Ab. Hamid, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2017. Varian dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis Linguistik Bandingan. *GEMA Online Journal of Languages Studies* 17 (2):219-233.
- Nur Habibah C R., Rahim Aman & Shahidi A. H. Dialektologi Hulu Perak: Implementasi Sinkronik. *Jurnal Linguistik* 23(2): 61-82.
- Rahim Aman, Zulkifley Hamid & Sahidi AH. 2012. Profil pemikiran Banjar: Satu kajian perbandingan antara suku Banjar di Malaysia dan di Indonesia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 8 (8):12-22.
- Rahim Aman, Muhammad Nur Latif & Shahidi AH. 2014. Memupuk perpaduan di Malaysia: Unsur-unsur penyatuan di sebalik imbuhan bahasa Iban Purba Sarawak. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (6): 187-205.
- Rahim Aman & Norfazila Ab. Hamid. 2015. Strategi wacana komunikasi teks Tengku Razaleigh Hamzah: satu analisiskebahasaan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Coomunication* 31 (1): 25-220.
- Rahim Aman, Shahidi A. Hamid & Norfazila Ab. Hamid 2015. Nomenclature varian Melanau Sarawak dari era kolonial ke abad 20: Analisis kritis 100 tahun interaksi kebahasaan genetik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Coomunication* 31 (2): 211-230.
- Ray, SH. 1913. *The Languages of Borneo*. West Newman & Co, London.
- Sharhaniza binti Othman. 2016. Fonologi dialek Melayu Simunjan. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- St. John, S. 1896. Dayak languages-Sambas to Batang Lupar. In: Roth HL (ed) *The natives of Sarawak and British North Borneo*. Truslove and Hanson, London.
- Taha Abdul Kadir. 1981. Bahasa Melayu Dialek Sarawak: Satu pengenalan ringkas. *Dewan Bahasa* 25 (7): 56-71.
- Zainal Kling. 1976. Life-cycle and the socialisation of values among rural Malays in Sarawak. *Sarawak Museum Journal* 24 (45): 1-33.
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu. 2013. Memupuk perpaduan di Malaysia-santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 9 (4): 86-98.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan hasil daripada kajian berkod FRGS/1/2015/WAB04/UKM/02/1 dan Projek DBP-UNESCO 2014.

Biodata

Rahim Aman (PhD) adalah Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu), FSSK, UKM. Kepakaran beliau dalam bidang dialektologi dan linguistik Sejarah.

Rohana Abd. Rahman adalah Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau kini berkhidmat di bahagian Perkamusan.